

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 28 RABU 12 JULAI, 1967. 1387 رابو 4 ربيع الاخير PERCHUMA

### Pemangku M.B. seru peladang2: pertahankan matalamat asal persatuan dan jangan menyaleweng

**BANDAR BRUNEI** — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru peladang2 di-negeri ini supaya mempertahankan tujuan dan matalamat persatuan mereka dan menentang sa-barang perubahannya yang hendak menyalewengkan-nya dari tujuan2 asal itu.

Pemangku Menteri Besar berkata demikian tatkala berucap kepada wakil dari 56 buah persatuan peladang yang telah mengadakan pertemuan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu kerana merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Tahunan kali kedua persekutuan persatuan2 peladang Negeri Brunei.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Hohamed Yusof berkata, ada-lah tidak patut kalau Persekutuan itu di-gunakan untuk mencapai chita2 persaorangan atau pun chita2 sa-suatu kaum yang tidak akan memberi faedah kepada negara dan raayat pada keseluruhannya.

Beliau telah menyebut politik yang mana menurut beliau tidak ada hubungan-nya dengan tujuan2 dan matalamat2 persekutuan tersebut.

Pemangku Menteri Besar itu kemudian-nya menegaskan peri mustahak-nya pertanian yang di-sifatkan beliau sa-bagai pekerjaan turun temurun yang telah menjadi darah daging kepada raayat negeri ini sejak dari zaman silam.

#### PERINDASTRIAN

Kata-nya, ada-lah tidak bijak bagi raayat negeri ini bergantung buat sa-lama2-nya kepada negeri2 lain untuk membekalkan makanan yang di-perlukan.

Pemangku Menteri Besar sa-lanjut-nya berkata, meskipun kerajaan menggalakan pertumbuhan perindustrian di-negeri ini, ia-nya menggalakkan juga pertumbuhan pertanian.

Usaha2 mesti-lah di-arahkan untuk memajukan pertanian dan melaksanakan projek2 pertanian.

Kerajaan telah mengadakan ranchangan2 untuk mengajar



Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof kelihatan sedang merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei. Kelihatan di-belakang beliau ia-lah Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan yang membelakang kamera ia-lah Awang Suhaimi bin Haji Ismail, Yang Dipertua Persekutuan Persatuan2 Peladang.

peladang2 dalam chara2 pertanian sa-chara moden dan tidak lama lagi, Brunei akan mempunyai sekolah pertanian-nya sendiri, yang pelajar2-nya akan dapat mempelajari ekonomi pertanian dan lain2 mata pelajaran yang ada hubungan-nya dengan pertanian untuk membolehkan pelajar2 itu memiliki dan mentadbirkan ladang2 kepunyaan mereka sendiri.

Pemangku Menteri Besar berkata, ranchangan2 akan mendatangkan hasil hanya jika peladang2 sa-chara jujur, tabah hati dan rajin menggunakan apa yang telah mereka pelajari kepada ladang2 mereka.

Jika ini tidak di-lakukan, beliau menambahkan, semua usaha, masa dan wang yang telah di-belanjakan oleh kerajaan akan menjadi sia2 belaka.

### Pengubahan daftar2 pengundi

**BANDAR BRUNEI** —Penyelesaian Pilehan Raya, Awang Matnoor MacAfee mengumumkan bahawa Pesuruhjaya Pilehan Raya telah menentukan 12 Julai hingga kepada 12 Ogos 1967 sa-bagai tempoh bagi pengubahan daftar2 pengundi.

Pengubahan daftar2 pengundi itu di-lakukan pada tiap2 tahun menurut peratoran2 pilehan Raya yang di-kanunkan.

Awang Matnoor berkata, dalam masa pengubahan itu, rombongan2 pendaftar akan melawat ka-kampong2 di-seluruh negeri kerana menjalankan kerja2 pendaftaran.

Pengubahan tersebut akan membolehkan mereka yang telah layak menjadi pengundi kerana telah genap umur 21 tahun pada 11 Julai untuk mendaftarkan diri mereka dalam daftar2 pengundi.

Ia-nya juga untuk mendaftarkan mereka yang sejak pengubahan tahun lalu telah mendapat sijil kera'ayatan dan juga bagi mereka yang layak mendaftarkan diri tetapi telah tidak berbuat demikian pada tahun lalu.

Pengubahan itu ada-lah juga untuk membolehkan sa-orang pengundi yang berdaftar memindahkan pendaftaran-nya ka-satu bahagian pendaftaran yang lain berikutan dengan penukaran alamat.

Awang Matnoor berkata, permohonan bagi pendaftaran itu hendak-lah di-buat kepada pegawai2 pendaftaran apabila mereka melawat ka-kampong2 dari 12 Julai hingga kepada 12 Ogos.

Jika kerana sesuatu sebab sa-orang pengundi yang layak mengundi tidak dapat menemui rombongan pendaftaran itu, maka boleh-lah ia memohon untuk di-daftarkan sa-bagai sa-orang pengundi dengan pegawai daerah di-dalam daerah yang ia tinggal tidak lewat dari 12 Ogos.

Sa-orang memohon pendaftaran ada-lah di-kehendakki membawa kad pengenalan-nya. Butir2 kad pengenalan itu akan di-chatetakan dalam daftar pengundi2 itu.

Pendaftaran sa-saorang pengundi ia-lah untuk satu kawasan pilehan raya sahaja yang akan membolehkan pengundi itu menjadi calon atau mengundi dalam pilehan raya.

# Pekan Bangar di-besarkan 60 ekar tanah untuk pembinaan

TEMBURONG — Pegawai Daerah Temburong Awang Johari bin Abdul Razak menjelaskan minggu lalu bahawa kawasan Pekan Bangar akan di-perluaskan lagi hingga ka-saberang tebing sungai Temburong di-bawah ranchangan perkembangan daerah tersebut.

Pegawai Daerah itu berkata, di-kawasan baru itu tanah telah di-sediakan untuk kawasan rumah2 kedia, padang2 permainan, dan lain2 ranchangan yang mustahak.

Ia-nya akan merupakan pusat bagi sistem jalan raya di-timor daerah itu.

Awang Johari menyatakan, di-bawah ranchangan perkembangan itu, keutamaan akan di-beri kepada pembinaan jalan2 raya yang di-tutup dengan minyak tar sa-panjang 40

batu bagi Temburong.

Ranchangan itu ada-lah sa-bahagian dari 140 buah ranchangan jalan raya baru bagi seluruh negeri, yang akan melan belanja sa-banyak kira2 \$46 juta.

Kerja2 mengenai pembinaan sistem jalan raya bagi Temburong yang di-anggarkan berharga kira2 \$20 juta telah pun di-kemukakan kepada tawaran.

Awg. Johari berkata, kerja2 ka-atas lain2 jurusan perkembangan di-daerah tersebut sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan.

Pekerja2 sedang sibok membena sa-batang jalan raya utama jambatan menyeberangi sungai Temburong untuk menghubungkan Bangar dengan Bangar Baru.

Sa-buah pengkalan baru yang di-perbuat lebih kukuh sedang di-bena untuk menggantikan pengkalan dari kayu yang ada sekarang.

Awang Johari menyatakan, Jabatan Letrik hampir2 siap membena pusat tenaga letrik yang baru. Ia-nya akan dilengkapi dengan jana2-kuasa dan alat2 kelengkapan untuk membekalkan tenaga letrik bagi seluruh kawasan di-daerah itu.

## Pertandingan Talentine peringkat akhir pada 9 Sept. di-Seria

KUALA BELAIT. — Pertandingan bakat atau talentine Radio Brunei, telah menyelesaikan tiga pertandingan pemilihan di-studio Kuala Belait, dan dua belas lagi pertandingan serupa itu, akan di-langsungkan sa-belum di-jalankan pertandingan peringkat sa-paroh akhir, menjelang akhir bulan Ogos.

Penerbit ranchangan talentine Awang Andrew Phan berkata, peraduan bagi tahun ini ada-lah menggalakkan, memandag kepada 90 peratus peserta yang mengambil bahagian dalam bahagian nyanyi persaoangan atau vocal solo.

Setakat ini sembilan orang telah di-pilih, untuk menyertai dalam pertandingan sa-paroh akhir. Sementara peraduan peringkat akhir akan di-adakan pada 9 September, di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

Pertandingan bakat ini pertama kali-nya di-adakan dalam tahun 1960, dan dari sejak itu taraf pada peserta sa-chara bersansor2 bertambah baik.



## Pegawai2 perpustakaan berlateh di-Singapura

BANDAR BRUNEI — Dua orang Pegawai Perpustakaan, Awang Hamidon bin Haji Hassan dan Awang Ahmad Shah bin Abdul Rahman telah berlepas ka-Singapura pada hari Rabu lepas untuk menjalani satu kursus latehan di-Perpustakaan Negara Singapura.

Pegawai2 perpustakaan itu ia-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Mereka di-jangka akan berada di-Singapura sa-lama lebih kurang enam bulan.


GAMBAR atas dari kiri ia-lah Awang Ahmad Shah bin Abd. Rahman dan di-kanan, Awang Hamidon bin Haji Hassan sa-belum berlepas ka-Singapura.

## LEMBAGA PEMEREKSA KENDERAAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan akan menubuhkan satu lembaga pemereksaan yang tetap untuk menentukan penjualan kenderaan2, alat2 perkakas, dan kelengkapan2 yang berlebihan atau yang tidak dapat di-perbaiki lagi.

Pengawal Setor Kerajaan ada-lah pengerusi lembaga tersebut dengan sa-orang wakil dari tiap2 jabatan2 Perbendaharaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Pengawal Kenderaan Darat sa-bagai anggota.

Beliau ada-lah bertanggung jawab untuk memeriksa semua alat2 kelengkapan di-semua tempat di-negeri ini apabila di-kehendakki oleh Setia Usaha Kerajaan.



KERAJAAN MEMBERIKAN KESEMPATAN YANG CHUKUP UNTUK  
MEVUKARKAN WANG LAMA.

## PENGETUA UGAMA CHADANGKAN SEMINAR PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA

**BANDAR BRUNEI** — Pegawai2 dan Guru2 Ugama telah di-gesa supaya sama2 membincangkan dengan buah2 fikiran yang berguna dan merancangkan sa-suatu yang lebeh mendatangkan kesan dalam penyibaran Ugama Islam dan kemajuan pentadbiran-nya.

Ini telah di-suarkan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam Mashuarat untuk mengadakan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama tahun ini di-Bilek Persidangan Majlis Mashuarat Shara'iah dalam minggu lalu.

Walau pun begitu, tegas beliau, usaha2 yang telah dijalankan sa-hingga hari ini adalah mendatangkan kesan yang baik dan boleh-lah di-anggap menchapai ka-satu peringkat kejayaan yang gemilang.

Tetapi, kata-nya, bukanlah hanya sa-takat itu saja kita sudah merasa puas hati, bahkan sa-balek-nya kita harus menchari jalan yang lebeh baik

dan sempurna.

Kerana itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menchadangkan supaya Seminar Pegawai2 dan Guru2 Ugama akan dapat di-adakan pada tahun ini bagi menggantikan kursus sa-bagaimana tahun2 yang lepas.

Beliau menegaskan bahawa sa-suatu perubahan harus di-adakan dan perubahan taktik serupa ini beliau rasa akan lebeh memberi kesan dan faedah yang berguna kepada semua pehak di-samping menyesuaikan keadaan masa sekarang ini.

Lebeh jauh beliau menyatakan tujuan seminar itu di-adakan yang antara-nya:

"Bertujuan supaya peserta2 seminar akan dapat mempaparkan segala kesulitan2 dan kekurangan2 mereka dalam menghadapi tugas masing2 dan dapat pula membincangkan dan menchari jalan untuk mengatasi segala kesulitan2 itu".

Dengan jalan ini, kata-nya, perjalanan pentadbiran dan perkembangan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei akan

lebeh lagi terator baik dari segi pentadbiran Sekolah2, Kelas2 Dewasa Ugama, Masjid2 dan Badan Penerangan-nya.

Sa-terus-nya, Yang Amat Mulia itu menekankan bahawa seminar tersebut bukan-lah satu tempat untuk mendesak Jabatan Hal-Ehwal Ugama, bahkan hanya-lah sa-mata2 untuk menchari kesimpulan2 pendapat yang berguna bagi mengatasi kelemahan2 atau kekurangan2 yang di-tempoh dalam masa yang lalu.

Beliau berpendapat bahawa sa-tiap bentok kerumitan2 atau kelemahan2 itu pasti ada satu jalan yang sesuai untuk mengatasinya dan hal ini ada-lah tergantung di-atas kesanggupan dan daya usaha dari semua Pegawai2 dan Guru2 Ugama di-seluruh negeri.

Yang Amat Mulia itu menyeru kepada semua peserta2 Seminar itu nanti supaya dapat melaksanakan tujuan seminar tersebut dan menggunakan kesempatan itu dengan membawa buah2 fikiran yang membena bagi mengujudkan arah chita2 pentadbiran yang sempurna dan berfaedah.

## Chawangan Balai Bomba di-bena di-Pekan Tutong

**TUTONG.**—Jabatan Perkhidmatan Bomba telah memulakan kerja2 kerana pembenaan sa-buah balai bomba chawangan di-Pekan Tutong untuk mengadakan satu perkhidmatan melawan kebakaran di-darah tersebut.

Pembenaan balai bomba itu ada-lah sa-laras dengan dasar jabatan bomba hendak membena balai2 bomba di-pusat2 yang ramai jumlah penduduknya di-seluruh negeri.

### ALAT2 MODEN

Penguasa Pengawasan Perkhidmatan Bomba Awang Lam Soo Man berkata, balai chawangan itu akan siap di-bena dalam masa kira2 9 bulan.

Balai chawangan itu terletak di-tebing sungai, berhadapan dengan sekolah Chung Hwa.

Ia-nya di-taksirkan akan menelan belanja sa-banyak kira2 \$260,000 dan akan di-lengkapkan dengan alat2 kelengkapan melawan api yang termoden, termasuk sa-buah motobot untuk melawan kebakaran di-kampong2 sa-panjang tebing sungai itu.

## Peti2 surat di-tambah lagi untuk kawasan bandar

**BANDAR BRUNEI.** — Pejabat Pos mengumumkan, bahawa tiga buah lagi peti2 surat akan di-adakan di-kawasan bandar, bagi kemudahan orang ramai.

Sa-buah akan di-tempatkan di-tempat perhentian bas, dekat Rumah Sakit Besar, sa-buah peti lagi dekat Brunei Sport Kelab dan satu-nya lagi di-Kampong Barangan.

Ketua Pos Agong Tuan Haji Ali Khan berkata, dua lagi wakil pos sudah pun di-lantik oleh jabatan-nya, bagi faedah penduduk2 kawasan pendalaman.

Kata-nya, satu daripada-nya di-Lumapas dan satu-nya lagi di-Rambai, Ulu Tutong.

Waki2 pos di-berikan kuasa menjual stem2, mengumpolkan surat2 dan surat2 berdaftar serta menolong menyampaikan surat2.

## 3 orang warder jalani latehan di-Taiping Malaysia

**BANDAR BRUNEI.** — Tiga orang warder dari Penjara Jerudong telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Selasa lepas dalam perjalanan mereka ka-Sekolah Latehan Pegawai2 Penjara di-Taiping kerana menjalani satu kursus latehan.

Warder2 itu ia-lah Awang Abdul Rahman bin Khatab, Awangku Omar bin Pengiran Randah dan Awg. Mohamed Yusof bin Aman akan berada di-sekolah latehan itu sa-lama tiga bulan.

Pemangku Penguasa Penjara Awang Abdul Wahab bin Mohamed Said berkata, warder2 tersebut akan menjalani latehan mengenai undang2 penjara, latehan menggunakan senjata api, dan layanan terhadap orang2 salah.



Sa-rami 27 orang termasuk enam perempuan anggota, Persatuan Peladang Kampong Meranking telah melawat Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lalu untuk menyaksikan chara2 di-jalankan usaha2

berchuchok tanam sa-chara moden.

Lawatan itu mengakhiri satu kursus sa-lama sa-minggu yang telah di-jalankan oleh Jabatan Pertanian bagi peladang di-kampong mereka.

Dalam gambar di-atas menunjukkan ahli2 persatuan Peladang tersebut sedang memerhatikan chara2 menanam pokok yang di-tunjukkan oleh sa-orang kakitangan di-Pusat Pertanian Kilanas.

12 Julai 1967.

## SOKAN BORNEO

SEKARANG tiba pula masanya yang Brunei menjadi tuan rumah kepada perlawanan sokan antara tiga wilayah Borneo yang akan di-langsungkan di Gelanggang Sokan Arena di-Seria pada dua hari berturut-turut mulai hari Jumaat 14 Julai.

Kedatangan ahli2 sokan Sabah dan Sarawak itu ada-lah di-alu2kan dengan ucapan selamat bertanding dan menggunakan masa itu dengan sa-baik2-nya terutama bagi meninggikan taraf sokan dan meninggalkan persahabatan supaya lebih erat lagi.

Brunei sa-bagai sa-buah negeri yang juga tidak kurang menumpukan perhatian dalam lapangan sokan dan meningkatkan darjah-nya hingga ka-satu peringkat yang boleh di-ke-tengah-kan, sedang menchari pertapa-kan yang kokoh untuk membe-rikan latehan2 yang khusus ka-pada ahli2 sokan-nya yang ma-seh muda dan mempunyai bakat yang besar dan harapan yang gemilang.

Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei telah di-tubuh-kan beberapa tahun yang lalu dan telah menggabungkan diri-nya dengan International Amateur Athletic Federation (IAAF) ia-itu salah sa-buah badan yang di-katakan sa-bagai satu cawangan Olympik Du-nia. Mungkin dari sini perja-lanan untuk menchari pertapa-kan itu akan mula bertolak sa-perti bagi mendapatkan sa-orang juru-lateh yang khusus dalam lapangan itu.

Untuk menghadapi perlawan-an sokan yang akan di-adakan hari Jumaat ini langkah2 membe-rikan latehan kepada 48 orang ahli2 sokan Brunei telah pun di-jalankan dan langkah itu di-lakukan oleh Jabatan Pela-jaran, bahagian latehan Jasmani dan Rohani dengan memela-wa sa-orang guru dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Awang Eli Bentigo yang ber-sal dari Filipina dan mempun-yai kebolehan dalam lapangan sokan untuk melatih ahli2 sokan Brunei itu. Langkah ini di-am-bil ada-lah memandang bi-langan besar ahli2 sokan Brunei itu terdiri dari penuntut2 Seko-lah dan guru2.

Untuk menentukan sa-takat mana kemajuan yang di-chapai oleh ahli2 sokan Brunei, maka belum lama dulu perlawanan sokan antara ahli2 sokan Bru-nei dengan Miri telah berlang-song dan di-chatetkan bahwa Brunei menchapai ka-satu ke-majuan yang menggalakkan, wa-laupun belum menchapai ka-satu peringkat yang di-katakan 'lebih baik'.

Harapan bagi Brunei untuk menchapai kemenangan boleh di-katakan 'ada' jika di-pandang dari segi ramai bilangan peser-ta Brunei yang berkemajuan mengambil bahagian dan men-yertai banyak pertandingan dalam perlawanan itu. Walau pun begitu, kekurangan2 ahli2 sokan Brunei harus di-sedari oleh ahli2 sokan itu sendiri dan pehak pengelola pula harus-lah memandang berat dan mem-buat langkah2 yang wajar demi untuk menchapai ka-satu pe-ringkat kemajuan sokan yang boleh di-ke-tengah-kan.

# CHARA MENTERNAK AYAM YANG BAIK

oleh: C. V. Subramaniam, Pegawai Haiwan, Jabatan Pertanian, Brunei.

MENTERNAK ayam telah menjadi berita2 akhbar baru2 ini, bukan sahaja di-Brunei tetapi juga di-negara2 jiran seperti Singapura dan Malaysia Barat. Kedua2 buah negara ini mempunyai perbe-kalan telur dan ayam yang menchukupi untuk di-buat makan dalam negeri. Bahkan negeri2 itu te-lah berjaya mendapatkan pertukaran wang asing dengan mengeksportkan ayam2 dan telur2 yang berlebehan.

Di-Brunei, kita bergantung kepada ayam2 dan telur2 yang di-impot — lebih kurang 240,000 ekor ayam untuk di-buat makan dan 9 juta telur telah di-impot tiap2 tahun. Namun begitu ramai juga orang2 yang telah menjalankan perusahaan menternak ayam baru2 ini dan oleh sebab ini merupa-kan satu langkah yang menuju kepada kebaikan, maka ada-lah berfaedah untuk mengambil tahu tentang perkara2 yang tertentu mengenai menternak ayam.

**MEMBERI MAKAN:** Tanpa men-gira sama ada ladang menternak ayam itu besar atau kecil, penge-tahuan yang menchukupi penge-nai pemberian makanan dan eko-nomi penternakan ayam ada-lah perlu bagi menjayakan ladang itu. Makanan yang di-berikan itu mesti-lah dapat menjadikan ayam2 itu sehat dan telur2 itu baik. Maka dengan sebab itu makanan-nya mesti-lah mempunyai persaimban-gan dengan mengandungi sukatan2 yang betul karbohidrat protin, zat2 galian dan bitamin.

**KARBOHIDRAT:** Memberikan tenaga kepada tubuh ayam dan mengujukkan lemak. Karbohid-rat boleh di-dapati dalam padi, jagong dan sagu, di-berikan terlalu banyak kepada ayam2 yang sedang bertelur.

**PROTIN:** Bahan ini merupakan satu bahan yang penting dalam makanan ayam kerana ia-nya perlu sa-kali untuk mengemokkan ayam dan mendapatkan telur. Maka dengan sebab itu anak2 ayam yang sedang membesar dan ayam2 bertelur ada-lah perlu di-berikan ma-kanan yang banyak mengandungi zat protin. Ikan, daging, tepung susu, kacang tanah dan kacang soya banyak sa-kali mengandungi zat protin. Protin binatang ada-lah lebih baik dari protin sayuran.

**ZAT GALIAN:** Seperti kalsium ada-lah perlu untuk meniadakan tulang dan kulit telur. Jika zat galian ini di-dapati kurang dalam makanan, ia-nya akan meiadikan kulit telur itu lembut. Zat ini boleh di-dapati dari abok2 batu kapur, kulit2 tiram dan juga kapur biasa.

**BITAMIN:** Zat ini ada-lah perlu untuk membesarkan ayam, dan telur2 sudah menetas serta ayam2 akan sentiasa sehat. Jika zat ini berkurangan ayam2 akan mengi-dap penyakit lumpoh di-kaki dan mata rapai. Minyak kelapa sawet, minyak ikan dan rumput ada-lah kaya dengan Bitamin A.

Makanan ayam boleh di-buat sendiri di-rumah jika bahan2-nya boleh di-dapati di-negeri ini dengan harga yang berpatutan dan chara2 menchampur-nya di-ke-tahui oleh peladang2. Pada masa ini bahan2-nya seperti jagong, bahan2 ikan, sagu, dedak padi, bahan da-ging dan kueh kacang tanah tidak boleh di-dapati di-sini sa-chara menchukupi dan dengan sebab itu membuat makanan ayam yang per-saimbangan zat-nya ada-lah mustahil dari segi ekonomi. Oleh yang demikian, penternak2 ayam terpak-sa bergantung kepada makanan2 ayam yang di-impot.

Sungguh pun kebanyakkan dari makanan ini mempunyai persaim-bangan zat dan mudah di-dapati harga-nya ada-lah mahal hingga menyebabkan perbelanjaan menter-nak bertambah tinggi dan akibat-nya harga ayam dan telur pun ikut sama bertambah mahal. Mesti-lah sentiasa di-ingati bahawa perbelan-jan bagi meniadakan ayam2 un-tok di-buat makan dan telur mesti-lah sa-berapa murah. Perbelanjaan modal mesti-lah sa-berapa ren-dah tanpa mengurangkan keheka-kan. Perbelanjaan makanan mesti-lah iangan melebihi seperti dari jumlah perbelanjaan2 dan dengan sebab itu ada-lah perlu bagi pen-

ternak2 ayam mempunyai pengeta-huan yang menchukupi mengenai memberikan ayam makanan dan ekonomi-nya.

Untuk orang2 yang ingin menge-tahui-nya di-bawah ini di-nyatakan chontoh makanan untuk ayam2 yang di-ternak untuk di-buat makanan:—

Jagong halus — 40 bahagian.

Dedak padi — 40 bahagian.

Kueh kacang tanah — 10 ba-

hagian

Minyak kelapa sawit atau

minyak ikan — 5 bahagian

bahan2 ikan — 5 bahagian.

Orang2 yang menternak ayam di-belakang rumah biasa-nya memberikan sisa2 makanan seperti nasi, sayuran, kepala2 ikan, ekor atau tulang-nya, daging dan juga



C. V. Subramaniam

tulang2. Sisa2 makanan ini mesti-lah di-chenchang halus2, di-gaul-kan dan di-berikan terus kepada ayam2.

Sungguh pun tiada sukatan khas dikenakan mengenai sisa2 makan-an ini, tetapi chontoh di-bawah ini patut-lah di-ikuti:

Sisa2 ikan atau daging —

Sisa2 sayuran — 2 bahagian.

Sisa2 nasi atau kentang — 2

bahagian.

Semua sisa2 makanan yang di-gaulkan itu mesti-lah jangan di-simpan lebih dari 12 jam kerana jika basi, ia-nya akan menjadi mu-dharat kepada ayam2. Jika ayam2 itu sa-mata2 memakan sisa2 ma-kanan, maka ia-nya juga mesti-lah di-berikan banyak sayuran2 hijau seperti kangkong, daun keledak dan rumput.

Dalam sa-barang sistem penter-nakan ayam, terdapat juga ayam2 yang kurang memberikan hasil. Ayam2 ini ada-lah tidak ekonomi untuk menyimpan-nya dan mesti-lah di-sembeleh tanpa ragu2 lagi.

**SISTEM MENTERNAK AYAM DI-ATAS HABOK2 DI-TANAH** Ini ada-lah satu chara menternak ayam sa-chara besar2an yang sesuai untuk penternak2 kecil di-bela-kang rumah dan juga untuk per-usahaan2 besar. Satu kebaikan dari sistem ini ia-lah ayam2 itu sentiasa terkurung dalam reban dan dengan ini bahaya menjangkit penyakit ada-lah sedikit sa-kali.

Nama sistem habok2 di-atas tanah ini di-dapati dari kenyataan bahawa ayam2 itu di-pelihara di-atas habok2 sa-tebal 6 inci ter-diri dari habok2 kayu, tatal ketam kayu, sekam dan rumput2 kering. Perkara penting dalam sistem ini ia-lah pembeanaan reban-nya.

Sa-buah reban sa-luas 15 kaki x 15 kaki boleh menampung 50 ekor ayam. Tinggi reban itu mesti-lah 7 kaki di-chuchur atap dan 12 kaki di-tengah. Dinding-nya dari-pada papan sa-tinggi 3 kaki supaya terlindung dari chuacha burok dan bahagian atas-nya dengan dawai mata punai. Lantai-nya mesti-lah tinggi sa-kaki dari tanah yang di-buat dari tanah, kayu atau semen. Habok2-nya dari habok kayu, ha-bok ketam kayu, sekam atau rum-put2 kering. Tebal-nya mesti-lah di-antara 6 hingga 9 inci. Reban itu mesti-lah mengandungi perkara2 yang berikut:—

**TEMPAT BERTENGGEK.** Ruangan bertenggek yang menchukupi mesti-lah dari kayu 2" x 2", 2 kaki kaki tinggi-nya, 16 inci berselang dan 2 kaki jarak-nya dari dinding belakang.

**TEMPAT AYER.** Untuk mengelak-kan ayer dari tumpah di-atas ha-bok2 itu, semua bekas ayer mesti-lah di-letakkan di-luar reban. Satu bekas ayer yang panjang kira2 3 kaki, serta 5 inci lebar dan 4 inci dalam ada-lah menchukupi. Pengaliran ayer dari sa-buah kolam boleh di-kawal dengan mengguna-kan sa-buah bola valve yang sa-suai di-lekatkan di-sana.

**TEMPAT MAKANAN KERING** (auto-matik). Ini boleh di-letakkan di-tempat yang mudah dan kira2 4 kaki ruang makanan di-perlukan.

**TEMPAT BERTELUR.** Tiap2 sa-buah tempat bertelur mesti-lah 12"x12"x 12" dan 4" churam ka-hadapan. Tempat bertelur ini mesti-lah 2 kaki tinggi-nya dari atas tanah. Satu papan yang bergerak mesti-lah di-buat di-belakang petak tem-pat bertelur itu dan petak2 ini di-letakkan sa-demikian hingga mu-dah untuk mengambil telur de-ngan menggunakan papan yang ber-gerak tadi. Satu petak ada-lah menchukupi untuk lima ekor ayam bertelur dan bahan2 untuk petak itu ia-lah habok kayu, habok ketam kayu atau sekam.


**HABOK2 DAN MENIAGA-NYA.** Ha-bok ini mesti-lah 6" tebal-nya pada peringkat permulaan dan mesti-lah di-tambah sa-chara beransor2 hinga-kira2 9". Lapisan habok ini memada-i di-tukar sa-tahun sa-kali. Lapisan habok ini jangan sa-kali2 di-berikan basah tetapi jika ada tempat yang basah, ia-nya mesti-lah di-gantikan dengan habok baru. Sa-masa menggantikan lapi-san habok itu, ada-lah di-nasih-kan supaya meninggalkan sa-inchi atau dua dari lapisan lama kerana ini akan boleh di-gunakan sa-bagai lapisan permulaan dan membantu mempercepatkan hanchor habok2 itu oleh zat ragi dan hama.

Najis ayam itu ada-lah baik untuk di-buat baja dan lebih ku-rang 2 tan sa-tahun boleh di-dapati dari 50 ekor ayam. Jika di-han-chorkan betul2 lapisan habok ini boleh di-jadikan baja yang ber-guna. Zat baja ini akan bertam-

LIHAT MUKA 5



Bangunan baru Masjid Kg. Limau Manis.



Peserta2 dalam perarakan Maulud Nabi di-Limau Manis.

## SAMBUTAN MAULUD DAN PEMBUKAAN MASJID LIMAU MANIS

LIMAU MANIS. — Pengetua Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, hari Juma'at lepas telah merasmikan pembukaan masjid baru di-Kampung Limau Manis, Ulu Sungai Brunei.

Pembinaan masjid tersebut yang menelan belanja kira2 sa-puluh ribu ringgit itu, ada-lah di-bawah rancangan perkembangan Jabatan Ugama.

Dalam ucapan-nya di-upachara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata, kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda adalah mengambil perhatian berat dalam usaha kemajuan perkembangan di-seluruh negeri ini.

Projek2 tersebut telah di-rancang kerana faedah ra'ayat dan negeri ini.

Beliau mengesa umat Islam terutama-nya penduduk2 di-kampung itu, supaya menggunakan sa-penoh-nya masjid itu, sa-bagai tempat ibadah dan kerana tujuan2 ugama.

Berikutan pembukaan masjid itu, umat Islam di-kawasan itu menyambut perayaan Maulud Nabi, di-sebelah petang-nya. Penduduk2 dari lima buah kampung, termasuk kampung Limau Manis, menyertai dalam perayaan itu.

## Hoki: Piala Wernham

SERIA Satu perlawanan hoki separoh akhir antara Pasukan Polis Brunei dengan Pasukan Maktab Anthony Abell, Seria kerana merebut piala Wernham telah di-langsungkan di-Padang S.R.C. Seria pada hari Ahad lepas. Dalam perlawanan itu, Polis telah berjaya mengalahkan pasukan Maktab Anthony Abell dengan 3 gol tidak berbalas. Dalam perlawanan akhir, pasukan Polis akan bertemu dengan pasukan Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei yang di-jadualkan berlangsung pada 14 Julai ini di-Padang S.R.C. Seria.

Gambar bawah menunjukkan penjaga gol Maktab Anthony Abell cuba mempertahankan serangan dari pemain Polis.



## NELAYAN2 DI-MUARA DIRIKAN PASAR SENDIRI

PEKAN MUARA— 12 orang nelayan dari Kampong2 yang berdekatan dengan Muara baru2 ini telah memulakan pembenaan sa-buah bangunan sementara di-Pekan Muara untuk mendirikan sa-buah pasar private yang pertama di-negeri ini.

Ini ada-lah berikutan dengan kelulusan yang di-berikan oleh pehak berkuasa daerah Brunei dan Muara kapada permohonan mereka hendak menjual ikan2 yang di-tangkap sa-chara terus kapada pembeli2 di-pasar itu.

Juruchakap kumpulan itu, Awang Ali bin Ahmad, sa-orang wakil Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara berkata, pasar tersebut akan mempunyai 12 buah gerai, enam untuk ikan dan enam untuk sayur2an.

Nelayan2 itu telah mengumpulkan modal yang di-perlukan sa-banyak \$6,000 untuk memenohi harga pembenaan pasar tersebut.

Ini ada-lah merupakan langkah pertama sa-kumpulan nelayan2 tempatan membuat usaha2 yang sa-demikian atas tujuan memperbaiki lagi penghidupan mereka di-masa depan.

## 115 ahli2 sokan wilayah Borneo adu kehandalan di-Seria

BANDAR BRUNEI -- 115 orang ahli2 sokan dari Brunei, Sarawak dan Sabah akan choba menunjukkan kehandalan mereka dalam lapangan sokan apabila mereka bertemu dalam pertandingan Sokan Borneo yang ke-13 di-gelanggang sokan Seria pada hari Juma'at dan Sabtu ini.

Ahli2 sokan itu akan bertanding dalam 28 pertandingan sokan padang dan lumba lari untuk merebut 6 hadiah utama.

Salah satu dari hadiah itu ia-lah piala rebutan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan untuk pasokan wanita yang berjaya yang mana telah di-menangi oleh Brunei dalam tahun 1962.

### PEMBUKAAN RASMI

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan mengishtiarkan pembukaan sokan itu pada tengah hari Juma'at.

Radio Brunei akan menyiarkan sa-chara langsung bagi melaporkan suasana perlawanan itu. Di-samping pengulas2 dari Radio Brunei termasuk juga juru2 ulas dari Radio Sabah dan Sarawak.

Siaran sa-chara langsung itu akan di-salurkan melalui gelombang2 sederhana 242 dan 309 meter dan gelombang pendek 61 meter dari jam 4-00 petang pada 14 Julai dan dari pukul 2-00 petang pada 15 Julai.

Laporan itu akan di-siarkan juga oleh Radio Malaysia Sarawak pada kedua2 hari perlawanan tersebut.

Sementara itu, dalam perlawanan kriket antara wilayah2 bagi merebut piala Davidson, Brunei telah mengalahkan Sarawak dengan 68 mata.

Dalam perlawanan yang di-langsungkan sa-lama dua hari di-Miri itu, Brunei telah membuat 83 mata dan 68 mata dan Sarawak telah membalas dengan 20 dan 63 mata. Brunei akan menemui Sabah bagi menentukan kejohanan kriket tiga wilayah tahun ini.

## MENTERNAK AYAM

### DARI MUKA 4

bah baik hingga 2 tahun lama-nya dan habok2 halus dan keadaan-nya yang lembab itu, memudahkan baja itu di-taborkan sa-chara rata di-atas bumi atau di-kebun2 sayur sama ada dengan menggunakan tangan atau pun jentera.

PENYAKIT: Ayam2 di-pelihara dalam lapisan habok ini mudah kena penyakit saperti memakan daging sa-sama sendiri dan mematok bulu. Dengan memotong munchong2 ayam itu, penyakit ini akan dapat di-atasi. Untuk mendapatkan nasihat dan ma'alumat sa-lanjut-nya mengenai sistem menternak ayam di-atas lapisan habok ini, sila berhubung dengan Pegawai Haiwan.

# Jawatan-Jawatan kosong

## SA-BAGAI ATENDEN MAKMAL

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat DYMM Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat DYMM Al-Sultan bagi memenuhi jawatan sa-bagai Atenden Makmal di-Ranchangan Membasmi Malaria (Jabatan Perubatan dan Kesihatan), Brunei.

### KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Melayu dan mengetahui sedikit dalam bahasa Inggeris.

### TUGAS2:

Menjaga dan menyediakan perkakas Makmal dengan baik.

Membuat kerja2 lain seperti yang di-kehendaki sa-bagai sa-orang Atenden Makmal.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji F. 2 - 3 - 4 - 5 \$180x5 - 240/EB/250x10 - 270. Gaji permulaan bergantung kepada kelulusan dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Julai, 1967.

## SA-BAGAI KERANI TINGKATAN "A"

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenuhi jawatan2 Kerani Tingkatan "A" di-dalam perkhidmatan Kerani2 Kerajaan, Brunei.

### KELAYAKAN2:

(a) Chalon2 yang di-lantek mesti-lah sudah berumur 17 tahun.

(b) Chalon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dalam Bahasa Melayu atau kelulusan yang bersamaan.

(c) Pegawai2 yang di-dalam perkhidmatan Kerajaan serta yang berjawatan tetap dan yang telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan "A" akan juga di-pertimbangkan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 31 Julai, 1967.

## Sa-bagai Pembantu Teknik Tingkatan I di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenuhi jawatan kosong yang berikut di-bawah ini di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

### PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN I (3 kekosongan)

#### KELAYAKAN2:

Mempunyai Sijil Juru Teknik City and Guilds of London Institutes Intermediate Telecommunications serta mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran sa-lama sekurang2-nya 3 tahun, atau kelayakan2 yang bersamaan.

#### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$930x30 - 1050/EB/1080x30 - 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

#### SHARAT2 LANTEKAN:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Chalon2 yang terdiri dari ra'ayat atau yang

berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan, akan di-lantek ka-jawatan tetap.

#### BAKSIS:

Bagi mereka yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat, pembayaran akan di-langsungkan sa-telah bersara. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Julai, 1967.

## Sa-bagai Pemandu di-Pejabat Ukur

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi memenuhi jawatan sa-bagai Pemandu Tingkatan II di-Jabatan Ukur, Brunei.

### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat atau berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen2 memandu.
- Pemohon2 mesti-lah boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah di-antara 20 dan 40 tahun.

### TUGAS2:

Chalon yang berjaya mesti-lah boleh memandu Land Rover, Truck dan Van dan di-kehendaki menjalankan tugas di-sebarang tempat di-daerah Belait.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x5 - 220 sa-bulan.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang tinggal tetap di-daerah Belait.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Julai, 1967.

## GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

## Sa-bagai Setia Usaha Bandaran

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari Pegawai2 Kerajaan yang di-dalam jawatan tetap bagi memenuhi jawatan Setia Usaha Bandaran di-Pejabat Bandaran, Brunei.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji B.2 - \$1020x40 - 1620.

### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti yang berikut di-bawah ini saja di-kehendaki memohon:—

- Mesti-lah sa-orang ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan.
- Mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan.
- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Mesti-lah sudah berkhidmat dengan Kerajaan lebeh dari 5 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki

menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang

boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Julai, 1967.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Julai, 1967 hingga ka-hari Selasa 18 Julai, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 12   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-40  | 4-55  | 6-13            |
| 13   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-40  | 4-55  | 6-13            |
| 14   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-40  | 4-55  | 6-13            |
| 15   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-40  | 4-55  | 6-13            |
| 16   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-41  | 4-56  | 6-14            |
| 17   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-41  | 4-56  | 6-14            |
| 18   | Julai | 12-31  | 3-51 | 6-42   | 7-53 | 4-41  | 4-56  | 6-14            |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

## PELUMBA2 BASIKAL YANG BERJAYA ANJORAN PGGMB



BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai tiga belas orang peserta, termasuk dua perempuan, telah mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal terbuka, bagi kali yang ketiga anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, pada hari Juma'at lepas.

Perlumbaan yang di-adakan kerana memperingati pembukaan bangunan persekutuan tersebut di-Bandar Brunei, berlangsung sa-jauh enam belas batu bagi lelaki, dan lapan batu bagi peserta perempuan.

Dalam bahagian lelaki, Henry Chin Sin Ming memenangi tempat pertama dengan masa-nya 48 minit, 50 sa'at, ini di-ikuti pula oleh Abdullah Haji Abdul Rahman dan Joseph Chin.

Bahagian perempuan, pertama Wong Mei Yin, di-ikuti oleh Dayangku Hadinah binte Pengiran Haji Apong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Pulis Awang J. R. H. Burns.

Gambar atas menunjukkan Awang Henry Chin Sin Ming dan Dayang Wong Mei Yin dengan perisai dan piala2 kemenangan mereka.

## Peraduan Menggubah Bunga anjoran PGMPP Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait akan mengadakan pertandingan kerajinan tangan hasil kerja kaum wanita, termasuk menggubah bunga.

Pertandingan itu akan di-lagsongkan di-Dewan Bilek Bachaan Kuala Belait pada 28 Julai, 1967 mulai pukul 9-00 pagi.

Beberapa buah piala yang di-dermakan oleh orang2 kenamaan di-daerah itu akan di-hadiahkan kepada peserta2 yang berjaya dan tiap2 pertandingan akan di-kenakan bayaran sa-banyak 50 sen.

Kaum Ibu yang ingin memasuki pertandingan itu bolehlah berhubung terus kepada Pengerusi Pertandingan tersebut, Dayang Zainon binte Haji Omar Ali dan Dayang Rokiah Lamat di-sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sa-lain dari itu, persatuan tersebut akan juga mengadakan pentas drama pada 29 Julai, 1967 di-Dewan Bilek Bachaan Kuala Belait mulai pukul 7-30 malam.

Tiket2 yang berharga \$1.50 dan \$1.00 boleh di-beli dari Awang Busu Ahmad, Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait, Hassan Bakar, Pejabat Letrik Kuala Belait dan Dayang Zainon binte Haji Omar Ali di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

## HANYA KIRA2 200 ORANG MASEH TERIMA ELAUN KERANA BATOK KERING

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat Aw. Salleh bin Haji Masri menerangkan bahawa bilangan orang2 yang menerima bantuan kerajaan sa-bagai pengidap penyakit TB telah berkurangan.

Pesuruhjaya itu berkata, hanya kira2 200 orang maseh menerima elaun penyakit TB pada masa ini, berbanding dengan lebih dari 500 orang, 7 tahun yang lalu.

Kekurangan ini mempunyai arti yang besar kerana walau pun jumlah penduduk semakin bertambah, namun sekarang terdapat hanya kira2 sa-orang pengidap penyakit TB daripada kira2 tiap2 500 orang penduduk di-negeri ini. Dalam tahun 1960, nisbah pengidap2 penyakit TB ia-lah sa-orang daripada kurang dari 200 orang.

Awang Salleh berkata, kekurangan itu di-sebabkan oleh penjagaan dan rawatan istimewa yang di-berikan kepada pengidap2 penyakit TB di-rumah2 sakit di-negeri ini.

Kata-nya, elaun yang di-bayar kepada orang2 sakit itu memberikan sumbangan yang besar kepada mereka untuk segera sembuh kerana ketika berada di-rumah2 sakit, mereka tidak perlu berasa runsing tentang keperluan sara hidup keluarga mereka di-rumah.

Dalam bulan Mei tahun ini, kerajaan mengeluarkan lebih dari \$17,000 sa-bagai elaun kepada orang2 sakit TB.

### ELAUN

Awang Salleh berkata, banyak-nya elaun bergantung kepada pengidap penyakit itu, sama ada menerima rawatan di-rumah sakit atau sa-bagai orang sakit luar serta besarnya keluarga orang sakit itu.

Awang Salleh menambahkan, untuk layak mendapat elaun TB, sa-orang yang mengidap sakit TB dan ci-akui oleh doktor hendaklah membuat permohonan dalam borang yang di-sediakan kerana tujuan itu.

Bantuan tersebut mungkin memakan sedikit masa untuk di-luluskan, tetapi pembayaran elaun itu akan di-hitong kembali mulai dari tarikh permohonan di-kemukakan.

## Sharikat Minyak Sunray Borneo akhiri penyelidekan di-Tutong

TUTONG — Sharikat Minyak Sunray Borneo, di-jangka menyelesaikan kerja2 rakam gempa di-kawasan yang di-pajakkan kepada Perbadanan Penapis dan Hasil Minyak Clark, chawangan Brunei, di-Tutong menjelang akhir bulan November akan datang.

Pakar rupa bumi sharikat tersebut Awg. R. Teipel ketika menyatakan demikian berkata, kerja2 di-jalankan dengan baik dan memuaskan, dan apabila peringkat kerja penyelidekan itu selesai, ini membolehkan sharikat itu menilai hasil-nya.

Awang Teipel mensifatkan kemajuan pengkajian rakam gempa bumi itu sa-bagai menimbulkan harapan, tetapi belum lagi dapat di-tentukan sama ada ia-nya mempunyai minyak, sa-hingga kerja2 menggalinya di-jalankan.

Kerja2 pengkajian permulaan di-kawasan yang di-pajakkan itu, telah berjalan dari sejak bulan Ogos tahun lalu.

Sharikat Minyak Sunray telah mengambil Prakla, sa-buah sharikat Jerman yang pakar dalam kerja2 rakam gempa, untuk menjalankan penyelidekan itu, dan jika hasil dari pengkajian itu memuaskan, maka sharikat tersebut akan menghantarkan satu lagi rom-

bongan pakar2, untuk menjalankan penggalan.

Perbadanan Penapis dan Hasil Minyak Clark chawangan Brunei, mendapat pajak tanah seluas 700 ekar, kerana mencari minyak dalam bulan March, 1964. Kebanyakan dari kawasan itu di-daerah2 Tutong dan Belait, yang mana Sharikat Minyak Shell Brunei, menyerahkan hak penggalan-nya.

## Malam Kenangan Maulud di-Keriam

KERIAM, TUTONG — Persatuan Melayu Keriam Tutong akan mengadakan "Malam Kenangan Maulud Nabi" pada 13 Julai, 1967 (esok) bertempat di-Dewan Persatuan itu mulai pukul 7.30 malam.

Achara2 yang di-selenggarakan bersama oleh jawatankuasa Masjid Kampong Keriam itu ada-lah mengadakan pertandingan membaca kitab suci Al-Koran, peraduan bahas peringkat akhir antara Persatuan Melayu Keriam dan Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya dan persembahan2 sajak dan nashid yang di-pimpin oleh Awang Abdul Kadir Awang.

Sharahan Khas Maulud akan di-sampaikan oleh Awang Abdul Hamid bin Bakal dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei. Pertunjukan wayang gambar dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama akan di-adakan pada 14 Julai mulai pukul 7.30 malam.

# Wakil2 raayat di-ingatkan supaya mengusolkan sa-suatu yang berfaedah

KUALA BELAIT — Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh, sa-orang ahli Majlis Mashuarat yang di-pilih bagi kawasan Kuala Belait dan ahli Majlis Mashuarat Daerah Belait bagi kawasan Temenggong telah mengingatkan wakil2 raayat supaya membuka fikiran sa-luas2-nya dan harus-lah menhadangkan sa-suatu yang berfaedah bagi raayat.

Chadangan2 itu, kata-nya, harus-lah di-pertimbangkan betul2 supaya tidak terjadi penyakit 'boros' dan merugikan kapada ekonomi negara.

Awang Zainal berkata demikian ketika mempertahankan usol yang di-kemukakan-nya dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait yang di-langsungkan di-bilik Persidangan Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait pada hari Khamis yang lalu.

Usol beliau itu ia-lah bagi menasihatkan Pegawai Daerah Belait supaya menyediakan kemudahan2 alat2 pemadam kebakaran bagi Kampong Sa-berang Kuala Belait dan memberikan latehan kapada orang2 kampong untuk menggunakan alat2 tersebut.

Yang Berhormat, Pengiran Yusuf bin Pengiran Bakar telah menyukong pada dasar-nya atas usol beliau itu, tetapi membuat sedikit pindaan yang bertujuan supaya alat2 pemadam api itu di-bekalkan juga di-Labi, Kuala Balai, Bukit Sa-

wat, Rempayoh, Sg. Liang, Lumut dan lain2 kampong yang besar.

Pengiran Yusuf berkata, penduduk2 di-Kampong2 lain juga ada-lah memerlukan bantuan alat2 pemadam kebakaran itu, kerana kebakaran boleh terjadi di-mana2 dengan tidak mengira waktu.

Mempertahankan usol-nya, Yang Berhormat Awang Zainal menegaskan bahawa usol itu di-buat-nya ada-lah memandang kapada kesulitan2 perhubungan ka-kampong Sa-berang yang mempunyai penduduk kira2 600 orang dalam rumah2 yang di-bena berdekatan.

Kemudian-nya usol itu telah di-luluskan majlis dengan mendapat 12 undi dan 4 kechuali.

Dua soalan bertulis telah juga di-kemukakan dalam majlis itu dan ucapan penang-gohan oleh Yang Berhormat

Awang Zainal Abidin bin Puteh yang menyentuh pemba-ngunan luar bandar Belait.

Beliau meyeru supaya Kerajaan menumpukan perhatian ka-kampong2 pendalaman dengan pembangunan2 yang di-laksanakan sa-baik2-nya, termasuk memberi kursus tata ra'ayat kapada penduduk2-nya bagi menanamkan kesedaran chinta kapada negara dan bangsa.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

## Sambutan Maulud di-Temburong

PEKAN BANGAR. — Lebih dari sa-ribu orang telah mengadakan satu rapat umom di-Bangar pada hari Sabtu lepas untuk menyambut perayaan Maulud Nabi s.a.w.

Mereka terdiri dari 26 buah kumpulan dan kampong2 termasuk pasokan pancharagam Askar Melaju Di-Raja Brunei.

Pegawai Daerah Temburong Awang Johari bin Abdul Razak telah memberikan ucapan di-rapat umom itu. Beliau mengeska mereka supaya bekerja bagi kemajuan dan kebaikan negara.

Kata-nya, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Al-Sultan akan sentiasa menghargai bantuan dan kerjasama dari orang ramai dalam projek2 untuk memajukan negeri ini.

Rapat itu telah mendengar ucapan2 yang antara lain-nya di-sampaikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan Kadhi Temburong Abang Razali bin Haji Zainuddin.

## Usol bagi mengadakan pejabat chawangan Kenderaan Darat di-Tutong

TUTONG. — Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah meluluskan empat usol termasuk tuntutan2 supaya di-percepatkan pembenaan bangunan2 sekolah yang tetap di-kawasan2 luar bandar dan penubuhan sa-buah pejabat chawangan bagi Jabatan Kenderaan di-Pekan Tutong.

Usol pertama yang di-majukan oleh Tuan Haji Ghazali bin Umar, wakil bagi Pekan Tutong ada-lah mengenai usaha menukarkan bangunan2 sekolah yang sementara kapada bangunan2 tetap.

Satu lagi usol yang di-kemukakan oleh Tuan Haji Ghazali ia-lah memohon perlantekan sa-orang Khatib bagi Masjid Hassanah Bolkiah di-Tutong.

Tuan Haji Ghazali berkata, masjid tersebut merupakan bangunan yang paling tinggi harganya di-daerah itu tetapi tidak sa-orang Khatib pun di-lantek sejak ia-nya di-rasmikan pembukaan-nya pada tahun lalu.

Satu usol yang di-majukan oleh Yang Berhormat Awang Mohamed Zain bin Serudin memohon supaya di-tubuhkan pejabat2 chawangan bagi Jabatan Buroh dan Jabatan Kenderaan Darat di-Pekan Tutong.

Kata-nya, pejabat2 chawangan ini akan menyenangkan ra'ayat di-dalam daerah Tutong dari pergi ka-Pejabat Kenderaan Darat di-Bandar Brunei kerana pendaftaran kereta2 atau ka-Pejaoat Buroh kerana pendaftaran nama2 mereka untuk mendapatkan kerja.

Mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pgn. Anak Mohamed Salleh dan telah di-langsungkan pada hari Khamis lepas.

Majlis mashuarat itu kemudian-nya telah mendengar jawapan2 kapada beberapa soalan mulut yang di-kemukakan oleh Awang Mohamed Zain bin Serudin.

## \$32 juta bagi projek pelabohan ayer dalam di-Muara

BANDAR BRUNEI — Pengarah Laut, Awang Jack Turner mengumomkan satu lagi peringkat bagi kerja2 penyiataan permulaan mengenai pelabohan ayer dalam yang di-chadangkan pembenaan di-Muara.

Beliau berkata, Sharikat Penyiataan Tanah dari Malaysia sekarang sedang menjalankan kerja2 menebok tanah di-satu kawasan tanah darat sa-luas tiga batu dan satu kawasan tanah laut sa-luas empat batu untuk menentukan keadaan sa-mula jadi tanah2 di-lapisan bumi.

Sharikat itu menjalankan kerja2-nya di-bawah arahan Sharikat Jurutera2 Penasihat, Sir Bruce White, Wolfe Barry dan Rakan2 yang mana dalam tahun 1964 telah di-benarkan oleh kerajaan untuk mereka dan menyeliaan pembenaan pelabohan ayer dalam itu.

Projek tersebut di-anggarkan berharga kira2 \$32 juta kerana kerja2 mengurek tanah, kerja2 pembenaan serta menyediakan alat2 kelengkapan pelabohan dan dermaga.

Kata-nya ada-lah di-chadangkan untuk membena sa-buah terusan jalan masuk ayer yang dalam melalui Tanjong Pelompong Spit, sa-buah pe-

mechah ombak di-sabelah barat terusan jalan masuk ayer itu, dan sa-buah ban atau batas dari hujung sa-belah timor Tanjong Pelompong kasa-belah kawasan pantai utara Pulau Muara Besar.

Sa-buah jalan kecil akan di-bena di-atas ban atau batas itu untuk menghubungkan Pulau Muara Besar dengan tanah besar negeri ini.

Awang Turner berkata, sa-buah muara yang menonjolkan tenaga ayer di-dasar sungai2 Brunei dan Limbang sedang di-bena di-England.

## KERAJAAN DI-MINTA TAMBAH JENTERA PEMBAJAK

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah meluluskan satu usol untuk menasihatkan Pegawai Daerah supaya memohon kapada kerajaan bagi menambahkan lagi jentera2 pembajak untuk di-sewakan kapada peladang2.

Awang Ahmad Jalani bin Abdul Rahim, wakil bagi Sengkurong telah berjaya dalam usol yang di-majukan-nya bahawa pusat pertanian di-daerah tersebut hendak-lah di-bekalkan dengan ubat2 pembunuh perosak tanam2an un-

tok di-bahagikan kapada peladang2.

Majlis Mashuarat itu telah di-adakan di-Bilik Persidangan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Mashuarat telah juga meluluskan satu usol yang di-kemukakan oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Lahab, wakil bagi Raja Muda bahawa sa-buah sekolah rendah hendak-lah di-dirikan di-Kampong Ayer.

Awg. Ali bin Ahmad, wakil bagi Muara ingin mengetahui bilakah Jabatan Letrik di-jangka dapat meluaskan perbekalan tenaga letrik ka-Jalan Serasa dan Kampong Tanah Jambu, dekat Jalan Muara.

Awangku Mohammad bin Pengiran Tuah, wakil bagi Pekan Lama, sa-orang lagi yang mengemukakan soalan, ingin mengetahui bilakah kerajaan akan menghantar ahli2 majlis ka-luar negeri untuk membuat lawatan sambil belajar tentang kerja2 pembangunan di-lain2 negara.